

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

PROGRAM SOKONGAN BAHAN

MENTAH KEPADA USAHAWAN

KAYU BUMIPUTERA

Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

Pengenalan

- 1.1 Hasil daripada impak yang positif daripada Program Sokongan Bahan Mentah Kepada Usahawan Kayu Bumiputera dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, satu dana pusingan berjumlah RM16 juta telah diperolehi oleh MTIB bagi tujuan pinjaman kepada usahawan perkayuan Bumiputera;
- 1.2 Program ini akan dilaksanakan melalui pemberian pinjaman tanpa faedah kepada usahawan perkayuan Bumiputera bagi memperolehi bahan mentah kayu (takrifan kayu seperti di Jadual Pertama seperti yang dilampirkan) yang akan digunakan untuk pemprosesan produk siap;
- 1.3 Had **minima** pinjaman :
 - 1.3.1 RM20,000.00 bagi setiap permohonan bagi syarikat Sdn. Bhd.
 - 1.3.2 RM5,000.00 bagi setiap permohonan bagi perusahaan enterprise;
- 1.4 Had **maksima** pinjaman :
 - 1.4.1 RM500,000.00 bagi setiap permohonan bagi syarikat Sdn. Bhd.
 - 1.4.2 RM20,000.00 bagi setiap permohonan bagi perusahaan enterprise;
 - 1.4.3 Bagi kontrak perabot sekolah Kementerian Pendidikan (*MoE*), kontrak luar negara dan kontrak dari Kontraktor UTAMA, had maksima pinjaman yang boleh diluluskan adalah RM1,000,000.00;
- 1.5 Pembiayaan penuh nilai pinjaman akan diberikan mengikut nilai kos bahan mentah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu atau nilai yang lebih rendah daripada nilai kos bahan mentah (seperti yang dipohon oleh pemohon) bagi setiap permohonan tertakluk kepada had nilai minima dan maksimum pinjaman. Anggaran kos bahan mentah kayu yang dipertimbangkan adalah 70%-80% bagi perabot solid manakala bagi perabot panel adalah 50%-60%;
- 1.6 Caj perkhidmatan dikenakan sebanyak 1.5% daripada nilai pinjaman dan hendaklah dibayar dalam tempoh 7 hari setelah perjanjian pinjaman ditandatangani;
- 1.7 Kelulusan adalah tertakluk kepada peruntukan yang masih ada semasa permohonan dikemukakan;
- 1.8 Surat kelulusan akan dikeluarkan kepada pemohon setelah permohonan pinjaman diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu. Pengeluaran pinjaman akan dibayar kepada pembekal setelah MTIB melakukan pengesahan bekalan bahan mentah dan berpuas hati bekalan bagi pinjaman ini telah disempurnakan;
- 1.9 MTIB menggalakkan bekalan bahan mentah kayu bagi pinjaman ini diperolehi daripada panel pembekal yang disyorkan seperti di **LAMPIRAN 5**. Ini bagi memastikan jaminan kualiti dan jaminan pembekalan bahan

mentah tersebut. Ianya juga dapat meningkatkan jalinan perniagaan secara berterusan antara pengusaha dan pembekal bahan mentah Bumiputera.

1.10 MTIB berhak meminda mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.

2. Cara Permohonan

Permohonan dibuat melalui borang yang boleh dimuat turun dari laman sesawang MTIB www.mtib.gov.my atau diperolehi dari ibu pejabat MTIB atau pejabat-pejabat MTIB Wilayah / Negeri.

3. Kelayakan Pemohon

- i) Syarikat/enterprise Bumiputera, keutamaan kepada syarikat milik penuh Bumiputera (100% ekuiti Bumiputera);
- ii) Menjalankan aktiviti pengilangan/pembuatan produk berasaskan kayu;
- iii) Memperolehi kontrak kerja/bekalan yang telah dimuktamadkan dan masih berkuatkuasa;
- iv) Sebuah syarikat/enterprise yang tidak digulungkan dan Pengarahnya/pemiliknya bukanlah seorang yang bankrap;
- v) Telah menjalani atau telah memohon untuk menjalani auditan SCORE (*SME Competitiveness rating For Enhancement*) dan M-CORE (untuk kategori Mikro) oleh MTIB atau SME Corp Malaysia; dan
- vi) Mempunyai rekod bayaran yang baik dengan MTIB (tiada hutang tertunggak melebihi tempoh 3 bulan) dan Pengarah/pemilik syarikat bukan penghutang kepada MTIB. Bagi maksud ini, "hutang" adalah juga termasuk hutang-hutang lain terhadap MTIB, iaitu yang diperuntukkan dan dibiayai oleh MTIB di bawah program-program lain;
- vii) Jawatankuasa Pemandu boleh mempertimbangkan permohonan bagi kes rayuan yang dikemukakan oleh pemohon yang mempunyai hutang tertunggak melebihi 3 bulan berturut-turut selepas penjelasan yang munasabah diberikan dan adalah tertakluk kepada budi bicara Jawatankuasa Pemandu.

4. Syarat-syarat Permohonan

4.1 Pemohon perlu memajukan dokumen-dokumen berikut (semua salinan dokumen yang dikemukakan perlu disahkan):-

- i) Borang Permohonan Pinjaman Bahan Mentah (PSBM/2012) yang lengkap;
- ii) Salinan Memorandum and Articles of Association (bagi Syarikat Sdn. Bhd. Sahaja);
- iii) Salinan Borang 24 dan 49 (Akta Syarikat) atau Borang D (Akta Pendaftaran Perniagaan) atau Borang A (Milik Tunggal) atau Borang B (Ordinan Perlesenan Perniagaan);

- iv) Salinan pendaftaran syarikat (diambil daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia);
- v) Salinan Carian Syarikat daripada SSM dan Carian Bankrapasi Pengarah Syarikat /pemilik daripada Jabatan Insolvensi;
- vi) Salinan penyata bank syarikat bagi tiga bulan terkini;
- vii) Salinan kontrak jualan yang telah dimuktamadkan dengan pembeli (LO atau dokumen setaraf seperti LC, surat tempahan dan lain-lain yang berkaitan) atau salinan Surat Setuju Terima daripada MoE bagi "Tawaran Melaksanakan Kontrak Membekal, Menghantar, Memasang dan Menyusun Perabot Sekolah dan Pejabat ke Sekolah-sekolah di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2015-2018"
- viii) Salinan dokumen/bukti urusniaga syarikat bagi tempoh (3) bulan terkini (pengesahan pesanan/nota penghantaran); - *[bagi perniagaan enterprise sahaja]*
- ix) Salinan sebutharga dan/atau pesanan belian bahan mentah yang telah dimuktamadkan untuk memproses kontrak jualan yang dipohon bagi pinjaman ini;
- x) Salinan sebutharga dan/atau pesanan belian bahan mentah daripada pembekal; ***(bagi pinjaman oleh perniagaan enterprise sahaja)***
- xi) Telah menghadiri/mendaftar untuk mengikuti kursus modul Asas Pengurusan Kewangan / Simpan kira ***(bagi pinjaman oleh perniagaan enterprise sahaja;*** dan
- xii) Salinan penyata terkini akaun yang telah diaudit (bagi Syarikat Sdn. Bhd.)

- 4.2 Kontrak jualan/kerja yang dikemukakan hendaklah **masih belum luput tarikh bekal/siap** (sekurang-kurangnya 3 minggu) semasa permohonan pinjaman yang lengkap diterima oleh MTIB. Sekiranya terdapat pemanjangan tempoh, sertakan dokumen yang berkaitan daripada pihak pembeli;
- 4.3 Sebutharga dan/atau pesanan belian bahan mentah hendaklah merujuk kepada kontrak jualan/kerja seperti di para 4.2 dan masih belum dibayar oleh pemohon. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan, sertakan dokumen-dokumen berkaitan;
- 4.4 Satu perjanjian pinjaman akan ditandatangani antara Pengusaha (peminjam) dengan MTIB (pemberi pinjaman);
- 4.5 Peminjam juga dikehendaki untuk menandatangani suatu perjanjian 'Surat Ikatan Serah Hak' (DoA) di antara Peminjam, MTIB dan Pemberi Kontrak (namun tertakluk kepada siapa Pemberi Kontrak tersebut dan keadaan tertentu mengikut kehendak MTIB), yang menyatakan segala pembayaran yang dibayar oleh pemberi kontrak hendaklah secara langsung terus dimasukkan ke dalam akaun MTIB. Jumlah pembayaran tersebut merupakan nilai keseluruhan pinjaman di antara MTIB dan Peminjam.
- 4.6 Peminjam juga hendaklah menandatangani Perjanjian Jaminan dan Gantirugi / Akuan Jaminan Lembaga Pengarah sebagai jaminan bagi

pinjaman yang diberikan oleh MTIB kepada peminjam, dalam perjanjian ini, penjamin adalah diperlukan di mana penjamin tersebut hendaklah terdiri daripada kesemua ahli-ahli Lembaga Pengarah syarikat;

- 4.7 Sebarang kos dan duti setem berhubung dengan penyempurnaan dokumen-dokumen yang dinyatakan di para 4.4, 4.5 dan 4.6 akan ditanggung sepenuhnya oleh Peminjam;
- 4.8 Sekiranya terdapat lebih daripada pembayaran tersebut, setelah ditolak segala jumlah pinjaman di antara MTIB dan Peminjam, lebih itu akan segera dipulangkan semula kepada pihak Peminjam oleh MTIB.
- 4.9 Mana-mana pinjaman bagi kontrak kerja/bekal yang telah disempurnakan, tetapi MTIB masih tidak menerima sebarang bayaran selepas 2 bulan penyempurnaan kontrak kerja/bekal tersebut, peminjam adalah bertanggungjawab untuk membuat bayaran penuh pinjaman kepada MTIB dalam tempoh sebulan (1) bermula selepas tarikh suatu notis dikeluarkan oleh MTIB bagi meminta jumlah pinjaman tersebut;
- 4.10 Bagi permohonan kali kedua dan seterusnya, kelulusan adalah tertakluk kepada perkara berikut untuk diproses dan dipertimbangkan:
 - 4.10.1 baki hutang pinjaman yang terdahulu tidak melepasi tarikh matang bayaran;
 - 4.10.2 baki hutang dengan amaun pinjaman baru yang ingin dipohon tidak melebihi had maksima pinjaman (RM500,000.00) atau RM1,000,000.00 bagi kontrak perabot sekolah Kementerian Pendidikan (MoE), Kontrak Luar Negara dan Kontrak dari Kontraktor Utama;
 - 4.10.3 tiada sebarang tunggakan hutang bagi tempoh 3 bulan berturut-turut dengan MTIB.

5. Maklumat-maklumat Tambahan

- 5.1 Jika perlu, pemohon dikehendaki hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang mempertimbangkan kelulusan pemberian pinjaman ini; dan
- 5.2 Bagi permohonan kali kedua dan seterusnya, pemohon hanya perlu mengemukakan dokumen dan salinan dokumen seperti di para 4.1 (i),(vi), (vii) dan (viii) sekiranya maklumat-maklumat bagi dokumen selainnya tidak berubah dalam tempoh tersebut.
- 5.3 Bagi proses bayaran balik, JIKA Peminjam merupakan ahli PETRA, peminjam dibenarkan untuk membuat bayaran balik menggunakan kaedah *Post-Dated Cheque* (Cek Tarikh Tertunda), dalam jumlah penuh pinjaman kepada MTIB, dalam tempoh 45 hari daripada tarikh bekal yang dicatitkan pada LO yang dikemukakan. Peminjam juga perlu mengemukakan surat sokongan daripada pihak ketiga iaitu **Persatuan PETRA** kepada MTIB.

- 5.4 Bagi proses bayaran balik kontrak luar negara, peminjam dikehendaki membuat '*bank instruction*' kepada MTIB dan menyelesaikan pinjaman dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh perjanjian pinjaman ditandatangani.
- 5.5 Bagi proses bayaran balik pinjaman oleh perusahaan enterprise, peminjam dikehendaki membuat bayaran ansuran secara bulanan dengan mengemukakan cek tarikh tertunda (*Post-Dated Cheque*) bermula daripada tempoh 30 hari selepas pihak pembekal menerima bayaran daripada MTIB (ansuran pertama). Bayaran ansuran bulanan ini mesti diselesaikan dalam tempoh 6 bulan selepas pihak pembekal menerima bayaran MTIB.

6. Pelaksanaan Program

- 6.1 Semua permohonan akan disemak, disyorkan dan diberikan kelulusan melalui 2 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu [senarai keahlian dan TOR adalah seperti di **LAMPIRAN 1 (i) dan (ii)**]. Keputusan yang dibuat oleh kedua-dua jawatankuasa ini adalah muktamad.
- 6.2 Carta aliran bagi proses kelulusan pinjaman program ini adalah seperti di **LAMPIRAN 2.**
- 6.3 Carta aliran bagi proses pengeluaran pinjaman program ini adalah seperti di **LAMPIRAN 3.**

7. Dokumen Perjanjian Yang Berkaitan

Senarai dokumen perjanjian yang diperlukan bagi permohonan pinjaman bahan mentah ini adalah seperti di **LAMPIRAN 4.**

JAWATANKUASA TEKNIKAL
Program Sokongan Bahan Mentah Kepada Usahawan Kayu Bumiputera

1) Keahlian terdiri daripada :

Pengerusi : Pengarah Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera /

Ahli : **i) Timbalan Pengarah PEB (Pengerusi Ganti)**

ii) WISDEC

iii) Pegawai Unit Kewangan MTIB

iv) Pegawai Undang-undang MTIB

v) Pegawai Pembangunan Perdagangan

vi) Wakil PETRA

vii) Wakil PEKA

2) Urusetia : Unit Bahan Mentah
Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera

3) Kekerapan Mesyuarat : Setiap minggu
(berdasarkan kepada keperluan & permohonan)

4) Terma Rujukan :

- 4.1 Memastikan semua dokumen permohonan lengkap disertakan bersama dokumen sokongan yang disyaratkan
- 4.2 Meneliti butiran permohonan untuk dipertimbangkan bagi syor kelulusan
- 4.3 Meneliti laporan audit kilang/premis pemohon (bagi syarikat baharu/tiada rekod di MTIB) sebelum permohonan diberikan pertimbangan untuk syor kelulusan
- 4.4 Menilai kos/peratusan komponen kos bahan mentah yang dikemukakan agar sepadan dengan produk yang akan diproses
- 4.5 Menilai kuantiti atau jenis bahan mentah yang dipesan adalah bersesuaian dengan produk yang akan diproses
- 4.6 Meneliti kesesuaian mesin-mesin yang dimiliki pemohon bagi pemprosesan produk yang akan diproses
- 4.7 Membuat syor cadangan nilai pinjaman bagi pertimbangan kelulusan Jawatankuasa Pemandu

**JAWATANKUASA PEMANDU
Program Sokongan Bahan Mentah Kepada Usahawan Kayu Bumiputera**

1) Keahlian terdiri daripada :

Pengerusi : Ketua Pengarah MTIB/
Timbalan Ketua Pengarah MTIB

Ahli : i) Wakil MPIC (Bahagian KTK)
ii) Pengarah Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera MTIB
iii) Pengarah Perancangan Strategik dan Hal Ehwal Korporat MTIB
iv) Pengarah Pembangunan Industri MTIB
v) Pengarah Khidmat Pengurusan MTIB
vi) Pengarah WISDEC MTIB

Turut hadir : i) Pegawai Audit Dalam MTIB
ii) Pegawai Undang-undang MTIB

2) Urusetia : Unit Bahan Mentah
Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera


3) Kekerapan Mesyuarat : Setiap minggu, selepas mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (berdasarkan kepada keperluan & permohonan)

4) Terma Rujukan :

- 4.1 Menilai syor kelulusan pinjaman oleh Jawatankuasa Teknikal;
- 4.2 Membuat pertimbangan untuk nilai pinjaman dan kelulusan bagi setiap permohonan yang disyorkan Jawatankuasa Teknikal;
- 4.3 Memantau kemajuan pelaksanaan program termasuk peringkat bayaran balik pinjaman yang telah diluluskan; dan
- 4.4 Memastikan program pinjaman termasuk bayaran balik dijalankan dengan cekap mengikut prosedur, mekanisma dan tempoh yang ditetapkan.
- 4.5 Mencadangkan sebarang penambahbaikan atau pindaan kepada garis panduan pelaksanaan dan prosedur program agar selaras dengan keperluan semasa untuk kelulusan Pengurusan Tertinggi MTIB

LAMPIRAN 2

CARTA ALIR PROSES KELULUSAN PINJAMAN PROGRAM SOKONGAN BAHAN MENTAH KEPADA USAHAWAN KAYU BUMIPUTERA



Nota :

Tempoh yang diambil dari penerimaan **PERMOHONAN YANG LENGKAP** sehingga **SURAT KELULUSAN DIKELUARKAN** adalah **14 hari bekerja** (termasuk proses untuk semakan premis)

LAMPIRAN 3


CARTA ALIR PROSES PENGELUARAN PINJAMAN PROGRAM SOKONGAN BAHAN MENTAH KEPADA USAHAWAN KAYU BUMIPUTERA

Tanggungjawab

Carta Aliran

Proses

Tempoh



Nota :

Tempoh yang diambil dari penerimaan **MAKLUMAN TERIMAAN BEKALAN** atau **DOKUMEN LENGKAP DITERIMA** (yang mana lebih kemudian) sehingga **PEMBAYARAN DIKELUARKAN** adalah 7 hari bekerja

**SENARAI DOKUMEN PERJANJIAN BAGI PELAKSANAAN
PROGRAM SOKONGAN BAHAN MENTAH KEPADA USAHAWAN KAYU
BUMIPUTERA**

1. **Perjanjian Pinjaman Bahan Mentah**
Perjanjian antara Pengusaha (Peminjam) dan MTIB (Pemberi Pinjaman). Kos Duti Setem adalah di bawah tanggungan Peminjam sepenuhnya.
2. ***Deed of Assignment (DoA)***
Surat Ikatan Serah Hak di mana MTIB sebagai penerima hak dan Peminjam sebagai penyerah hak. Ianya perlu ditandatangani oleh MTIB (Pemberi Pinjaman), pengusaha (Peminjam) dan Pemberi Kontrak. DoA yang telah ditandatangani dan disetemkan perlu diserahkan kepada MTIB dalam masa **7 hari bekerja setelah permohonan pinjaman bahan mentah diluluskan.** Pembayaran pinjaman bahan mentah tidak akan dilaksanakan sehingga DoA yang lengkap diserahkan kepada MTIB namun tertakluk kepada siapa yang terlibat sebagai Pemberi Kontrak tersebut dan berdasarkan keadaan tertentu mengikut kehendak MTIB. Kos Duti Setem adalah di bawah tanggungan Peminjam sepenuhnya.
3. **Perjanjian Jaminan dan Gantirugi / Akuan Jaminan Lembaga Pengarah**
Setiap Peminjam hendaklah mengemukakan penjamin yang terdiri daripada kesemua ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat Peminjam. Kos Duti Setem adalah di bawah tanggungan Peminjam sepenuhnya.
4. **Lain-lain Dokumen Sekuriti**
Tertakluk kepada pihak MTIB dari semasa ke semasa, MTIB sentiasa berhak untuk meminta pihak Peminjam menandatangani apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan Program Sokongan Bahan Mentah tersebut sebagai antara dokumen sekuriti yang diperlukan dalam program tersebut. Kos Duti Setem yang terlibat dalam dokumen tersebut adalah di bawah tanggungan Peminjam sepenuhnya.

LAMPIRAN 5

SENARAI PEMBEKAL BAHAN MENTAH BUMIPUTERA YANG DISYORKAN

(Solid dan Panel)

1. Konsortium PEKA Sdn Bhd
No. 19F, 19th Floor, Menara PGRM 1,
No. 8, Jln Pudu Ulu, Cheras,
P.O. Box 10887
50728 Kuala Lumpur
(u.p : Tn. Hj. Ahmad Zabidi Rashid)
Tel : 012-2848496 / 03-92825213 Faks : 03-92012956
2. Edaran Makmur Enterprise
5, Jalan Serambi U8/25,
Taman Bukit Jelutong,
40150 Shah Alam, SELANGOR
(u.p : Encik Mohd Yasin Sudin)
Tel : 019-9619919 Faks : 03-78475218

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

TAKRIF KAYU

<i>Keluaran Kayu</i>	<i>Pengharmonian Sistem Pemerihalan dan Pengekodan Komoditi</i>
Tumbuhan dan bahagian tumbuhan daripada jenis yang digunakan terutamanya dalam proses membuat minyak wangi atau farmasi berasaskan kayu Gaharu (<i>Aquilaria spp.</i>) atau kayu Cendana	1211.90 200, 1211.90 300, 1211.90 900
Buluh	1401.10
Rotan	1401.20
Minyak gaharu	3301.90 100
Sisa kayu, kayu api, serpai kayu atau partikel kayu, habuk gergaji dan serpihan	44.01
Kayu arang	44.02
Balak bulat (termasuk kayu bulat dan kayu jaras) dan balak segi empat sama atau separuh segi empat sama kasar	44.03

<i>Keluaran Kayu</i>	<i>Pengharmonian Sistem Pemerihalan dan Pengekodaan Komoditi</i>
Kayu yang dipotong rata secara kasar, kayu gelang, kayu jaras belah, cerucuk tajam dan pancang	44.04
Kayu kasar (kayu tatal, tepung kayu)	4405.00
Kayu landasan keretapi atau trem (pengikat silang)	44.06
Kayu gergaji dan kayu berketam	44.07
Venir	44.08
Kayu kumai, kayu berlamina	44.09
Keluaran kayu terbentuk semula (contohnya papan partikel/papan serpai, papan wafer, papan tatal, papan bebenang terhala dan keluaran biokomposit)	44.10
Papan gentian (contohnya papan gentian ketumpatan sederhana, papan penebatan, papan gentian keras dan keluaran biokomposit)	44.11

<i>Keluaran Kayu</i>	<i>Pengharmonian Sistem Pemerihalan dan Pengekodan Komoditi</i>
Papan lapis, panel venir, kayu berlamina yang serupa, (contoh: papan bungkah, papan lamin dan papan baten)	44.12
Kayu tumpat	4413.00 000
Bingkai kayu	4414.00 000
Kotak simpan barang, kotak, pak, tong dram dan pembungkus lain yang serupa, gelendong kabel, palet, palet kotak dan papan muatan yang lain, kolar palet, yang diperbuat daripada kayu	44.15
Tong kayu, tahang, tong wain, tab dan keluaran lain pembuat tong dan bahagian lain yang diperbuat daripada kayu, termasuk pemegangnya	4416.00 000
Alat, penyapu dan berus badan serta pemegang	4417.00 000

<i>Keluaran Kayu</i>	<i>Pengharmonian Sistem Pemeriharaan dan Pengekodaan Komoditi</i>
Pertukangan tanggam dan pertukangan kayu, termasuk panel kayu bersel, panel parket terpasang, sirap/genting kayu dan rekah	44.18
Pinggan mangkuk dan perkakas dapur, yang diperbuat daripada kayu	44.19.00 000
Corak tatahan kayu dan kayu bertatah; keranda, kotak bagi barang kemas atau pisau, sudu, garpu, dan barang serupa itu yang diperbuat daripada kayu; patung kayu dan barang perhiasan kayu yang lain; barang perabot kayu yang tidak termasuk di bawah Perintah Duti Kastam 2007 [P.U. (A) 441/2007]	44.20
Barangan kayu yang lain	44.21
Pulpa kayu	47.01, 47.02, 47.03, 47.04, 47.05, 47.06
Tempat duduk diperbuat daripada rotan, osier, buluh atau bahan yang serupa; tempat duduk lain, dengan rangka kayu; upholsteri; tempat duduk lain	9401.51 000, 9401.59 000, 9401.61 000, 9401.69 000

<i>Keluaran Kayu</i>	<i>Pengharmonian Sistem Pemerihalan dan Pengekodan Komoditi</i>
<p>Jenis perabot kayu yang digunakan di pejabat, di dapur dan di bilik tidur; perabot kayu yang lain; <i>walker</i> untuk bayi; almari wasap untuk kegunaan di makmal perubatan; perabot kayu lain</p>	<p>9403.30 000, 9403.40 000, 9403.50 000, 9403.60 100, 9403.60 200, 9403.60 900, 9403.81 100, 9403.81 200, 9403.81 300, 9403.81 900, 9403.89 100, 9403.89 200, 9403.89 300, 9403.89 900</p>
<p>Bangunan pasang siap, diperbuat daripada kayu</p>	<p>9406.00 200,"</p>